

SIRI PENGAJIAN DAN PENDIDIKAN UTUSAN

Patriotisme dan Kepercayaan Rakyat di Malaysia

650
H

Muhamad Ali Embi

Patriotisme dan Kepercayaan Rakyat di Malaysia

Muhamad Ali Embi


PUSTAKA PERDANA



1007616



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD



Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
 No. 1 & 3, Jalan 3/91A
 Taman Shamelin Perkasa, Cheras
 56100 Kuala Lumpur
 Tel: 03-92856577
 Fax: 03-92846554/92875763
 e-mel: enquiry@upnd.com.my
 laman web: www.mybooks.com.my

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
 Terbitan Pertama 2009

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam- Penerbitan

Mohamad Ali Embi, 1968-

Patriotisme dan kepercayaan rakyat di Malaysia /
 Mohamad Ali Embi.

ISBN 978-967-61-2190-8

1. Patriotism-Malaysia. 2. Malaysia-Politics and government.

I. Judul.

323.6509595

Dicetak oleh
 YEOHPRINCO SDN. BHD.
 Lot PT 50595, Jalan Seruling 59,
 Kaw. 3, Taman Klang Jaya,
 41200 Klang,
 Selangor Darul Ehsan.

323.650
 M04

KANDUNGAN

<i>Jadual dan Rajah</i>	vi
<i>Prakata</i>	vii
BAB 1: PATRIOTISME	1
Patriotisme dalam Kalangan Rakyat Malaysia	2
Pengertian Patriotisme	4
Patriotisme di Malaysia	7
Jenis-jenis Patriotisme	18
Fungsi-fungsi Patriotisme	27
Penerapan Nilai-nilai Patriotisme dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)	31
Penilaian Awal Program Latihan Khidmat Negara	34
Kesimpulan	36
BAB 2: KEPERCAYAAN RAKYAT TERHADAP KERAJAAN	37
Kepercayaan Rakyat Malaysia Terhadap Kerajaan	39
Kepentingan Mengetahui Tahap Kepercayaan Rakyat	40
Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kepercayaan Rakyat	41
Pilihan Raya Umum dan Kepercayaan Rakyat	50
Pilihan Raya Umum 1995-2004: Kayu Pengukur Keyakinan Rakyat Terhadap Kerajaan	51
BAB 3: KEPERCAYAAN MAHASISWA TERHADAP KERAJAAN	59
Dorongan untuk Mahasiswa Menyertai Politik Negara	60
Sejarah Pergerakan Politik Mahasiswa di Malaysia	62
Pembentukan Kepercayaan Mahasiswa Terhadap Kerajaan	69
Proses Sosialisasi Terhadap Persepsi Mahasiswa	72
Peringkat Pembentukan Pemikiran Politik Mahasiswa Terhadap Kerajaan	75
Kesimpulan	76
<i>Bibliografi</i>	78

JADUAL

2.1	Bilangan Kerusi Barisan Nasional dan Pembangkang dalam Pilihan Raya Umum Tahun 1995	52
2.2	Bilangan Kerusi Barisan Nasional dan Pembangkang dalam Pilihan Raya Umum Tahun 1999	53
2.3	Bilangan Kerusi Barisan Nasional dan Pembangkang dalam Pilihan Raya Umum Tahun 2004	55
2.4	Bilangan Kerusi Barisan Nasional dan Pembangkang dalam Pilihan Raya Umum Tahun 2008	57
3.1	Perbezaan Tahap Pergerakan Politik Mahasiswa	70
3.2	Agen-agen Sosialisasi Politik	71

RAJAH

3.1	Pengaruh Agen-agen Sosialisasi Politik	73
-----	--	----

PRAKATA

Sesungguhnya kecintaan kepada negara itu bukan hanya serakat ungkapan di bibir semata-mata. Atau hanya bersifat simbolik seperti menghormati simbol-simbol negara seperti pemimpin, lagu, bendera seperti mana yang sering kita lakukan. Malah lebih daripada itu kecintaan kepada negara boleh ditunjukkan dengan pelbagai cara. Apa-apa sahaja yang kita lakukan demi untuk negara boleh sahaja dianggap sebagai patriotisme. Walau bagaimanapun dalam usaha memahami patriotisme ini kita boleh mengkategorikan patriotisme kepada lima kategori iaitu *Iconoclastic Patriotism*, *Symbolic Patriotism*, *Capitalistic Patriotism*, *Instinctive Environmental Patriotism* dan *Nationalistic Symbolic Patriotism*. Kelima-lima kategori patriotisme ini boleh kita gunakan untuk menyuburkan semangat patriotisme yang sedia kita fahami. Malah dalam usaha kerajaan untuk menyerapkan patriotisme melalui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) kepada belia-belia negara kita, kelima-lima aspek patriotisme ini hendaklah ditanamkan kepada mereka.

Kepercayaan rakyat pula menggambarkan sejauh manakah pemerintahan negara mendapat kepercayaan daripada rakyat. Pemerintah yang mendapat sokongan yang kuat daripada rakyat akan dapat melaksanakan tugas-tugas pemerintahan dengan lancar dan berkesan berbanding pemerintah yang kurang mendapat sokongan daripada rakyat. Rakyat akan menilai keberkesanan jentera kerajaan seperti jentera pentadbiran persekutuan, negeri, polis, kehakiman dan infrastruktur yang ada. Mutu perkhidmatan yang baik diberikan oleh institusi-institusi kerajaan ini akan menentukan tahap kepuasan rakyat kepada kerajaan dan seterusnya kepercayaan mereka terhadap kerajaan. Oleh itu buku yang bertemakan patriotisme dan kepercayaan rakyat ini cuba untuk mengupas konsep patriotisme dan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan di Malaysia. Semoga buku ini akan dapat membantu meningkatkan kefahaman rakyat terhadap sebuah kehidupan bernegara di Malaysia.

Muhamad Ali bin Embi
Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-undang
Universiti Utara Malaysia

Bab 1

PATRIOTISME

Patriotisme merupakan satu perkara yang amat penting kepada rakyat setiap negara. Ia bukan sekadar luahan perasaan tetapi menuntut kepada penghayatan oleh setiap warganegara. Patriotisme juga bukan sekadar semangat, tetapi ia merupakan sesuatu yang agung yang melibatkan soal keyakinan, kesetiaan, kewarganegaraan, keberanian, kemerdekaan, jati diri dan kedaulatan. Dalam konteks Malaysia patriotisme perlu ada pada diri setiap rakyat Malaysia. Ini kerana, kemerdekaan yang kita kecapai bukan dicapai dalam masa yang singkat. Tetapi berlangsung dalam suasana yang dramatik dan tidak harus kita lupakan bagi mengekalkan kesinambungan kemerdekaan yang telah dicapai.

Semangat patriotisme terhadap negara tidak sewajarnya hanya timbul dalam perjuangan menuntut kemerdekaan atau apabila negara berada dalam ancaman musuh semata-mata. Dalam keadaan aman umpamanya, semangat patriotisme seharusnya menjadi pendorong kepada setiap rakyat yang cintakan negaranya untuk bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh bagi membangun dan memajukan negaranya. Perbezaan dari segi ideologi, kaum dan parti dalam sesebuah negara berkenaan sepatutnya tidak dijadikan sebagai suatu halangan kepada usaha untuk memakmurkan negara.

Semangat patriotisme adalah penting kepada semua lapisan rakyat sesebuah negara. Tidak kira sama ada dia seorang petani, nelayan, kakitangan awam atau seorang buruh sekalipun, mereka perlulah mempunyai semangat kecintaan yang menebal ke atas negara mereka.